



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***BAHASA TIDAK SANTUN DALAM PENULISAN BLOG POLITIK DI
MALAYSIA***

AZIZUL ISMAIL

FBMK 2017 33



**BAHASA TIDAK SANTUN DALAM PENULISAN BLOG POLITIK DI
MALAYSIA**

Oleh

AZIZUL BIN HAJI ISMAIL

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Doktor Falsafah**

Julai 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan karya seni lain, ialah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan bahan untuk tujuan komersial hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Buat bondaku dan ayahandaku yang dikasihi...

Memerah keringat dan berkorban demi menjadikan aku insan yang dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.
Memanjatkan doa kepada Ilahi demi kebahagiaan putera sulung kalian di dunia dan di akhirat,
Terima kasih mak dan ayah atas pengorbanan buat long selama ini.

Buat isteriku yang dicintai...

Sentiasa mengiring perjuanganku,
Semoga hidup kita lebih bahagia dan ceria di dunia dan di akhirat,
Terima kasih sayang atas dorongan serta sokongan kepada abang.

Buat anak-anakku yang dikasihi...

Senyum, ketawa, dan manja kalian menjadi penawar penat lelahku,
"Papa" sayang Muhammad Danish Izzuddin, Nur Qaseh Damia, dan Muhammad Ameerul Faidzin. Moga kalian menjadi insan yang berbakti kepada agama, bangsa, dan negara pada masa hadapan.

Buat keluargaku yang disayangi...

Terima kasih atas sokongan dan doa kalian,
Khususnya buat adindaku yang amat dikasihi
Allahyarham Abdul Halim bin Haji Ismail,
Allahyarham Muhammad Nazri bin Haji Ismail,
Walaupun dikau tiada di dunia fana ini, tapi percayalah dirimu sentiasa di hati long, Semoga rohmu sentiasa dirahmat Allah.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**BAHASA TIDAK SANTUN DALAM PENULISAN BLOG POLITIK DI
MALAYSIA**

Oleh

AZIZUL BIN HAJI ISMAIL

Julai 2017

Pengerusi : Profesor Madya Vijayaletchumy A/P Subramaniam, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini, bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis bahasa yang tidak santun dalam blog politik di Malaysia. Seterusnya, menghasilkan Panduan Kesantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia untuk dijadikan panduan kepada penulis dan pembaca blog politik. Penyelidikan ini mengaplikasikan pendekatan Pengelasan Kata Jay,2000;Pinker,2008; Wilson,1998 dan model Prinsip Kesantunan Leech (1983) dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan, soal selidik, dan analisis teks yang terdiri daripada 10 blog politik. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 94 perkataan tidak santun yang dibahagikan kepada tujuh kategori dengan 550 kekerapan secara keseluruhannya dalam blog politik yang dikaji. Penyelidikan ini juga mendapati semua enam maksim kesantunan Leech telah dilanggar oleh penulis dan pembaca blog politik yang memberikan komen dalam blog politik yang dikaji. Kesimpulannya, dapatan ini amat penting kepada penulis dan pengikut blog politik, pengkaji bahasa serta masyarakat umum supaya hasil penulisan blog politik mematuhi prinsip kesantunan bahasa.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

LANGUAGES THAT ARE NOT ETIQUETTE IN POLITICALS BLOGS IN MALAYSIA

By

AZIZUL BIN HAJI ISMAIL

July 2017

**Chairman : Associate Professor Vijayaletchumy A/P
Subramaniam, PhD**
Faculty : Modern Language and Communication

This research aims to identify and analyze inappropriate language in political blogs in Malaysia. Additionally, this research aims to produce a Language Compassion Guides as a guidance to the writers and political blog readers. This research is based on Approach Classification of Words Jay, 2000;Pinker, 2008; Wilson, 1998 and the model of Leech Principles of Politeness (1983) for analyzing speech between authors and their followers in the political blogs. It adopts the literary study methods, questionnaires, as well as observation. The researcher has selected 10 political blogs in Malaysia. The findings show that there are 94 not polite divided into seven category defamatory words with 550 frequencies as a whole in the political blogs studied. Furthermore, the findings show that all the maximities of politeness have been violated in the discourse of the political blogs studied. In conclusion, this research is pertinent to the writers and followers of the political blogs, linguists and the general public so that the writing of the political blogging adheres to the characteristics of language etiquette which is fundamental to the formation of politeness.

PENGHARGAAN

Segala bicara ini adalah paling layak saya lafaz kesyukuran kepada Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, kerana dengan keizinan-Nya dan limpah kurnia-Nya, dapatlah hamba-Mu ini meneguk Ihsan-Nya dan Rahmat-Nya sehingga dapat menyempurnakan Tesis Ijazah Doktor Falsafah ini.

Sekalung budi tidak ternilai kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah menjadi tempat bertugas kepada saya untuk “mencari sesuap nasi” di dunia ini. Bertambah terhutang budi apabila DBP juga telah menaja biasiswa sepenuhnya sepanjang saya menuntut ilmu di UPM. Junjungan budi buat YBhg. Dato’ A. Aziz Deraman yang telah “mengutip” saya daripada seorang pekerja bawahan ditempatkan saya di kerusi empuk sesuai dengan kelulusan saya. Junjungan kasih buat YBhg. Datuk Dr. Haji Awang bin Sariyan, segala jasa dan sumbangan beliau meletakkan saya pada kedudukan yang “amat istimewa” di DBP hanya Allah sahajalah yang mampu membalasnya.

Pada kesempatan ini, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy A/P Subramaniam, beliau merupakan insan berhati mulia selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang telah banyak memberi semangat, bimbingan dan tunjuk ajar serta panduan yang amat berguna dalam usaha saya untuk menyiapkan tesis ini. Tanpa bimbingan penuh sabar beliau, tesis ini tidak dapat disempurnakan dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Juga tidak lupa kepada YBhg. Prof. Emeritus Hashim bin Haji Musa dan Dr. Hasnah binti Mohamad selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang banyak berjasa memberikan pandangan yang membina serta mencurahkan ilmu serta kepakaran mereka dalam usaha menyiapkan hasil penyelidikan ini. Juga jutaan terima kasih kepada semua para guru yang mengajarku mengenal abjad sehingga pada tahap ini.

Sekalung kasih dan junjungan budi kepada Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-pengarah Jabatan, Ketua-ketua Bahagian di DBP serta rakan-rakan khususnya, Encik Mohd. Fadzli bin Tajuid, Puan Azilah binti Bahadun, Puan Wan Norasikin binti Wan Ismail, Puan Rohani binti Ya, Encik Zaidi bin Ismail, dan Puan Saodah Haji Abdullah dan serta kakitangan Bahagian Perkamusan, Pusat Dokumentasi Melayu, dan Bahagian Peristilahan DBP serta rakan seperjuangan dari UPM di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Vijayaletchumy A/P Subramaniam yang sudi menyumbangkan buah fikiran serta bantuan bagi menyempurnakan kajian ini.

**"BUDIMU SERTA JASAMU TUAN DAN PUAN MENJADI
KENANGAN HINGGA KE AKHIR HAYAT HIDUPKU"**

"SALAM PENUH KEIKHLASAN" AZIZUL BIN HAJI ISMAIL



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 11 Julai 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Azizul bin Ismail bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Bahasa Tidak Santun dalam Penulisan Blog Politik di Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Ibrahim bin Salleh, PhD


Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Dato' Teo Kok Seong, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Vijayaletchumy A/P Subramaniam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hashim bin Haji Musa, PhD

Profesor Emeritus
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hasnah binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Azizul Bin Haji Ismail , GS 38786

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr. Vijayaletchumy A/P Subramaniam

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Emeritus Dr. Hashim bin Haji Musa

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Hasnah binti Mohamad

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
KELULUSAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Kesantunan Bahasa Secara Holistik	2
Kesantunan Bahasa Teras Insan Beragama	4
Kesantunan Bahasa Teras Tamadun Bangsa	8
Kesantunan Bahasa dalam Kehidupan Bernegara	13
Kesantunan Bahasa bagi Hakikat Keinsanan	15
Blog Wahana Politik Dunia Maya	18
Senario Terkini Politik di Malaysia	21
Pernyataan Masalah	23
Persoalan Kajian	25
Objektif Kajian	25
Batasan Kajian	25
Kepentingan Kajian	26
Definisi Operasional	27
Bahasa Tidak Santun	27
Blog Politik	27
II SOROTAN KAJIAN	28
Kajian Kesantunan Bahasa dalam Pelbagai Bidang	28
Perkaitan antara Sorotan Kajian dengan Kajian ini	56
III METODOLOGI	59
Reka Bentuk Kajian	59
Kerangka Teori	59
Kerangka Konseptual	62
Pensampelan	63
Alat Kajian	63
Tatacara Kajian	63
Kajian Rintis	63
Kajian Sebenar	64
Penganalisan Data	65

IV	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	67
	Bahasa yang Tidak Santun	67
	Analisis Bahasa yang Tidak Santun	89
	Panduan Kesantunan Bahasa	101
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	102
	Implikasi Dapatan Kajian	106
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	109
	Rumusan	109
	Cadangan	110
	Cadangan Kajian Selanjutnya	115
	BIBLIOGRAFI	118
	LAMPIRAN	123
	BIODATA PELAJAR	230
	SENARAI PENERBITAN	232

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Analisis Persepsi Pengguna bagi Perkataan Tidak Santun	69
2	Perkataan Tidak Santun Mengikut Kategori	71
3	Pelanggaran Maksim Prinsip Kesantunan	92



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Perkataan Tidak Santun Mengikut Kategori	72
2	Pelanggaran Maksim Kesantunan	92



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
A	Perkataan Tidak Santun dalam Blog Politik	123
B	Maksud Leksikal Perkataan Tidak Santun	143
C	Analisis Korpus Perkataan Tidak Santun	152
D	Borang Soal Selidik	194
E	Analisis Pengguna Perkataan Tidak Santun	198
F	Kekerapan Perkataan Tidak Santun	199
G	Perkataan Tidak Santun Mengikut Kategori	202
H	Analisis Pelanggaran Maksim Kesantunan	207
I	Draf Panduan Kesantunan Bahasa dalam Blog Politik	215

SENARAI SINGKATAN

%	Peratusan
1MDB	1 Malaysia Development Berhad
Amanah	Parti Amanah Negara
BERSIH	(Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil)
Bil.	Bilangan
bk	bahasa kasar
BN	Barisan Nasional
DAP	Democratic Action Party
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
KBMD	Kamus Besar Melayu Dewan
KDE-4	Kamus Dewan Edisi Keempat
GST	<i>Goods and services Tax</i>
ki	kiasan
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPBM	Parti Peribumi Bersatu Malaysia
PR	Pakatan Rakyat
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
PRU	Pilihan raya Umum
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

TV 3 Saluran Televisyen 3, di bawah Media Prima Berhad
UMNO United Malays National Organisation
Utusan Utusan Malaysia



© COPYRIGHT UPM

BAB I

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Manusia amat memerlukan bahasa dalam keseluruhan kehidupan mereka dari awal manusia itu dicipta sehinggalah saat manusia menemui kembali penciptanya. Melalui bahasa maka lahirlah sebuah cinta dalam kehidupan manusia dan dengan bahasa jugalah cinta tersebut dihancurkan dan amat melukakan hati serta boleh menjatuhkan martabat seseorang sebagai seorang insan di dunia ini. Bahasa menyebabkan masyarakat dalam sesebuah negara dapat hidup dengan aman dan sejahtera. Dengan bahasa jugalah boleh menyebabkan kehancuran dan kemusnahan sesebuah negara bangsa yang telah lama dibina dalam tempoh masa hanya sekelip mata.

Bahasa menurut *Kamus Linguistik* (1997:27) sebagai keupayaan fitrah manusia yang merupakan satu sistem lambang bunyi suara yang arbitrari (sewenang-wenang) yang dipersetujui bersama oleh satu kelompok sosial dan digunakan sebagai alat untuk berinteraksi.

Za'ba (2002:xx) berpendirian bahawa bahasa ialah "alat mengeluarkan fikiran". Perkaitan antara kedua-duanya, iaitu bahasa dan pemikiran sangat erat dan bertautan, dalam erti kata lain bahasa yang digunakan itu hendaklah tepat dan menggambarkan fikiran manusia yang sedang bertutur itu.

Menurut Asmah Haji Omar (2002:17), bahasa terdiri daripada sistem perlambangan yang mengaitkan maksud iaitu pemikiran manusia dengan sesuatu yang konkrit dan konsep supaya dapat difahami oleh pengguna bahasa tentang sesuatu benda serta perkara yang diperkatakan itu.

Kesimpulannya, bahasa merupakan anugerah daripada Tuhan kepada manusia pelbagai bangsa dan kaum yang terdiri daripada lambang dan bunyi pertuturan untuk menyalurkan pemikiran antara manusia yang menjadi elemen utama untuk memenuhi keseluruhan aspek kehidupan manusia di dunia ini.

Hal ini bertepatan dengan matlamat utama asal kejadian manusia iaitu sebaik-baik kejadian makhluk yang dicipta oleh Allah untuk menjadi khalifah ataupun pentadbir untuk memakmurkan dunia ini. Bahasa dan manusia

juga bergerak seiring dengan evolusi perkembangan manusia itu sendiri dalam meneruskan kelangsungan peradaban manusia. Hal ini demikian disebabkan fitrah manusia sebagai “haiwan sosial” yang amat memerlukan bahasa dalam kehidupan seharian mereka, khususnya untuk tujuan komunikasi.

Namun, hakikat kemuliaan dan ketinggian bahasa telah disalahgunakan oleh segelintir manusia yang terlibat dalam media sosial khususnya yang melibatkan komunikasi berkaitan isu politik dalam blog politik di Malaysia. Pelanggaran prinsip kesantunan bahasa perlu dilihat dari pelbagai aspek dan perlu dibincangkan secara holistik bagi mengatasi permasalahan ini.

Kesantunan Bahasa Secara Holistik

Menurut Awang Sariyan (2007:1), kesantunan bahasa, secara umumnya merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan keperibadian mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Kesantunan bahasa juga menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun di dunia ini. Hal ini disebabkan jika kita meminta bangsa lain menghormati bangsa kita, sewajarnya bangsa kita perlu menghormati bangsa lain terlebih dahulu dan sentiasa berbudi bahasa dalam lingkungan bangsa kita sendiri. Hal ini bertepatan dengan ungkapan “*Mulia Bangsa kerana Bahasa*” dan “*Bahasa Menunjukkan Bangsa*”.

Asmah Haji Omar (2002:8-9) menegaskan bahawa penggunaan bahasa yang santun perlu berpandukan peraturan tertentu. Terdapat tiga jenis peraturan penggunaan bahasa iaitu, :

- i. Peraturan Linguistik - Peraturan berkaitan dengan penggunaan bahasa yang menitikberatkan ketepatan bentuk dan binaan bahasa. Aspek utama yang mewakili bentuk dan binaan sesuatu bahasa ialah sebutan, intonasi, dan tatabahasa. Kepatuhan kepada peraturan linguistik lebih ketara dan diberi penekanan dalam penggunaan bahasa yang berkaitan dengan urusan rasmi. Peraturan ini perlu diberikan perhatian supaya pelaksanaan sesuatu majlis dapat berjalan dengan lancar serta difahami oleh pihak yang terlibat pada tahap sebaik-baiknya dan tidak mengalami jurang komunikasi disebabkan kelainan dialek atau ragam bahasa yang digunakan oleh sesuatu pihak dalam proses komunikasi.
- ii. Peraturan Sociolinguistik - Peraturan yang mengawal ketertiban sosial antara pembicara dengan pendengar yang berinteraksi antara satu sama lain. Interaksi ini boleh merupakan interaksi secara bersemuka, iaitu melalui perbualan, atau interaksi secara tidak bersemuka, iaitu antara penulis dengan pembaca melalui penulisan. Dalam hal ini sifat santun perlu ada dalam diri manusia

tidak kira situasi formal atau tidak formal ataupun melibatkan taraf sosial seseorang manusia ketika berkomunikasi antara satu sama lain.

- iii. Peraturan Pragmatik - Peraturan untuk mencapai tujuan komunikasi secara santun yang berkesan bagi mencapai matlamat komunikasi. Oleh demikian, dalam perundingan, jual beli, ceramah, dialog, wawancara, dan sebagainya diperlukan peraturan pragmatik supaya tujuan atau hajat serta matlamat dalam komunikasi tercapai dan pada waktu yang sama kesantunan berbahasa terpelihara dan pembicara tidak menyakiti perasaan orang lain yang mendengar bicara yang digunakan dalam komunikasi.

Kepatuhan kepada ketiga-tiga peraturan tersebut secara bersepadu menjadi asas kesantunan berbahasa dalam komunikasi. Seseorang yang santun berbahasa serta mempunyai hati budi yang tinggi perlu menjadikan ketiga-tiga peraturan tersebut sebagai praktik yang tekal dalam kehidupan manusia tersebut. Ketiga-tiga elemen tersebut sebenarnya lahir daripada hati yang ikhlas dan suci, bukan hanya dibuat-buat dan sebagai lakonan untuk mengaburi mata masyarakat. Hal ini disebabkan kesantunan berbahasa perlu dipaparkan secara tekal dan tidak hanya mengikut musim tertentu, situasi tertentu, atau pun individu serta masyarakat tertentu.

Selain itu, kesantunan berbahasa juga tergolong dalam bidang pragmatik bagi ilmu linguistik secara keseluruhannya. *Kamus Linguistik* (1997:192) menjelaskan bahawa pragmatik termasuk dalam lingkungan linguistik moden yang mengkaji bahasa dari sudut pandangan pengguna, terutamanya pemilihan yang dibuat, kekangan yang dihadapi ketika menggunakan sesuatu bahasa dalam interaksi sosial, dan kesan penggunaan bahasa kepada peserta lain dalam lakuan komunikasi.

Kesimpulannya, penyelidik berpendapat pendekatan pragmatik merupakan pendekatan dalam cabang ilmu linguistik yang tidak hanya mengkaji dan meneliti tentang makna berkaitan ujaran yang disampaikan oleh penutur, sebaliknya pendekatan ini juga mengkaji penggunaan bahasa secara massa oleh masyarakat dengan melihat konteks penggunaannya. Sesuatu ujaran itu juga bukan dianalisis dengan melihat maksud dari segi semantik ataupun dari segi maksud leksikal semata-mata. Sebaliknya maksud tersebut dinilai dari segi konteks penggunaan, situasi, persepsi, budaya, pandangan sarwajagat, latar belakang masyarakat, status ekonomi dan sosial, tahap pendidikan antara pihak yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bahasa. Contohnya, perkataan "diam" dengan intonasi yang agak tinggi yang dikemukakan oleh seorang guru kepada murid yang sedang berbual-bual di dalam kelas dianggap wajar mengikut konteks dan situasi, namun jika perkataan tersebut digunakan oleh murid kepada guru mereka bermakna murid tersebut telah melanggar prinsip kesantunan yang merupakan salah satu elemen dalam pendekatan pragmatik dalam disiplin

ilmu linguistik.

Namun, untuk membicarakan aspek kesantunan bahasa kita perlu melihatnya secara holistik, yaitu secara menyeluruh aspek kehidupan manusia itu sendiri. Hal ini disebabkan jika kita membicarakan elemen kehidupan manusia kita perlu menyentuh **elemen agama**, yaitu berkaitan hubungan manusia dengan Tuhan yang mempunyai hubungan kerohanian dalam kehidupan manusia. Selain itu, hakikat sesuatu bangsa itu mempunyai akar jati diri yang menjadi pegangan sejak turun temurun daripada generasi kepada generasi bagi membentuk **tamadun bangsa** yang mempengaruhi cara bahasa sesuatu bangsa tersebut digunakan. Dalam kehidupan manusia moden pada masa ini, kita tidak boleh memisahkan mereka dengan hakikat **hidup bernegara** dan bersosialisasi dengan manusia lain yang menduduki sesebuah negara. Akhir sekali, aspek **psikologi manusia** yang menyebabkan seseorang manusia itu unik dan berbeza antara satu sama lain perlu juga diberikan penekanan dalam membicarakan hal berkaitan kesantunan berbahasa. Oleh yang demikian, penyelidik melaksanakan pendekatan secara inklusif untuk membicarakan aspek kesantunan bahasa secara meluas dan holistik dengan melibatkan keempat-empat aspek di atas secara mendalam.

Kesantunan Bahasa Teras Insan Beragama

Hakikat kemanusiaan itu sendiri yang dijadikan oleh Maha Pencipta terdiri daripada pelbagai bangsa agar mereka saling berinteraksi dan saling mengenali antara satu sama lain untuk memakmurkan dunia ini. Maka pelbagai bangsa yang dicipta itu juga telah dianugerahi dengan bahasa sendiri bangsa tersebut oleh Tuhan agar pelbagai ranah komunikasi sesuatu bangsa dapat dilaksanakan dalam kalangan bangsa tersebut. Namun Tuhan telah menyarankan agar fitrah bahasa yang telah di anugerah kepada bangsa tersebut digunakan dengan penuh kejujuran, lemah-lembut dan bersopan-santun serta tidak mengelar seseorang dengan panggilan yang menghina untuk menghormati status dan hakikat kemanusiaan itu sendiri. Dalam al-Quran jelas terdapat ayat yang membicarakan hukum dan keburukan berkaitan bahasa yang digunakan dalam komunikasi manusia seperti dalam hal yang berkaitan *ghibah* (membicarakan aib orang lain), adu domba, mengumpat, memaki, mencela, menyebarkan khabar bohong, menghina, dan bergurau yang berlebihan.

Surah al-Baqarah 2:83 “ ... berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak yatim, dan orang miskin serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia...”

Surah al-Isra' 17:53 “... Hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik (benar). Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan dalam kalangan manusia. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia.”

Surah an-Nisa' 4:148 “ Allah tidak menyukai perkataan buruk (yang diucapkan) secara terus-terang kecuali oleh orang yang dizalimi”

Surah al-Qalam 68:10 dan 11 “ Dan janganlah engkau patuhi setiap orang yang suka bersumpah dan suka menghina, suka mencela, yang ke sana ke mari menyebarkan fitnah.”

Surah al-Hujurat 49:11 “ ... janganlah kamu saling mencela antara satu sama lain dan janganlah saling memanggil dengan gelaran yang buruk-buruk...”

Surah al-Hujurat 49:12 “... janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah ada antara kamu yang mengumpat sebahagian yang lain. Apakah ada antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati?...”

Malahan Rasulullah SAW yang terkenal sebagai insan yang mempunyai nilai keperibadian yang tinggi khususnya berkaitan kesantunan dan budi bahasa yang tinggi juga menekankan hal tersebut kepada para umatnya. Sewajarnya umat Islam menjadikan Rasulullah sebagai suri teladan dalam kehidupan mereka bagi membentuk personaliti bitara yang unggul serta sentiasa menjadi rujukan kepada pihak yang bukan beragama Islam. Rasulullah SAW juga mengingatkan bahawa sebaik-baik manusia ialah orang yang sentiasa menjaga bahasanya daripada menimbulkan persengketaan, kesusahan, permusuhan dan huru-hara dalam kalangan masyarakat.

“Daripada Abdullah bin Amru bin al-As berkata: Seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah SAW : “Orang Islam yang bagaimanakah yang paling baik? “Jawab Baginda: “Orang yang menyelamatkan orang-orang Islam yang lain daripada angkara lidah dan tangannya”(Hadis Riwayat Muslim).

Rasulullah SAW bersabda “Bukanlah seseorang yang beriman itu menjadi pencaci, pengutuk, suka bercakap kotor atau lidahnya suka menyebut kata-kata yang hina.” (Hadis riwayat at-Tarmizi daripada Ibnu Mas'ud).

Rasulullah SAW bersabda “*Sesiapa yang menyebarkan satu kata-kata yang memalukan seseorang Muslim dengan tidak sebenarnya, nescaya dia akan diberi malu oleh Allah dalam neraka pada hari kiamat.*” (Hadis riwayat Ibnu Abid-Dunya daripada Abu Zar).

Rasulullah SAW bersabda “*Jagalah diri kamu daripada kata-kata yang kotor, kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada kata-kata yang kotor dan perangai yang keji.*” (Hadis riwayat Ibnu Hibban daripada Abu Hurairah).

Perbincangan berkaitan hal berkaitan penggunaan kata yang baik serta budi pekerti yang mulia dalam al-Quran dan hadis jelas menunjukkan bahawa Tuhan dan Rasul amat menitikberatkan penjagaan lidah kepada manusia dalam penggunaan bahasa yang santun dalam proses komunikasi antara manusia. Hal ini diberikan penekanan oleh penyelidik disebabkan sebagai manusia yang sedar tentang peranan dan tanggungjawab terhadap Maha Pencipta, kita perlu insaf terhadap peri pentingnya kesantunan bahasa dalam kehidupan di dunia ini.

Syeikh al-Azhar, Muhammad Sayyid Tantawi (2008:1-73) pula mengemukakan 11 garis panduan etika, adab dan kesantunan yang dibawa oleh syariat Islam untuk mengawal perdebatan dan perbincangan yang berlaku sesama manusia adalah seperti yang berikut :

1. Perbualan sesama manusia hendaklah berasaskan kebenaran dan jauh daripada pendustaan, cakap-cakap kosong serta syak wasangka.
2. Iltizam pada sesuatu topik perbincangan.
3. Mengemukakan dalil yang jelas dan logik yang bijak, yang segera dapat mematikan hujah orang yang takbur atau degil supaya mereka terus kelu tanpa kata.
4. Memastikan bahawa matlamat setiap pihak yang berselisih adalah untuk menzahirkan kebenaran dalam perkara yang diperselisihkan, sekalipun kebenaran itu ada pada pihak yang membangkang.
5. Rendah diri, tidak sombong dan iltizam dengan cara yang sopan.
6. Memberikan peluang seluas-luasnya kepada panel perbincangan atau pembangkang untuk menyatakan pendapat, dan tidak menghalang kata-katanya atau memburuk-burukkan peribadinya.
7. Menghormati pandangan para cerdik pandai, yang bercakap dengan bahasa yang baik dengan hujah yang bernas serta bersikap terpuji, jiwa yang suci, hati yang bersih, dan berhemah tinggi.
8. Tidak membuta tuli dalam hukum-hakam, dan kata-kata, isu dan permasalahan ditentukan dengan teliti, istilah yang digunakan tepat, benar dan adil, perbuatan dan tingkah laku dinilai dengan seadil-adilnya, yang tidak menzalimi ahli takwa dan tidak mengampu mereka yang mengikut hawa nafsu, yang terpesong

- daripada jalan yang benar.
9. Dialog hendaklah berdasarkan realiti yang kukuh dan maklumat yang tepat, bukan situasi yang palsu dan khabar angin.
 10. Menetapkan konsep perdebatan dan menetapkan hukum-hakam serta peraturan.
 11. Berterus terang dengan ikhlas, bermatlamat dan menjelaskan hakikat sebenar berserta bukti yang memuaskan serta memahami dengan baik dan mendalam terhadap permasalahan dan hukum syarak.

Menurut Yusuf al-Qaradawi (2002:i-ii) dalam Abdul Monir Yaacob, Suzalie Mohamad (2002), perselisihan dalam kalangan umat Islam pada zaman dahulu hingga kini berpunca daripada dua sumber iaitu sumber akhlak dan sumber pemikiran.

Perpecahan yang berpunca daripada akhlak berlaku kerana seseorang itu:

- i. Diperdaya oleh diri sendiri dan kagum dengan pandangan sendiri;
- ii. Menaruh buruk sangka pada orang lain dan cepat membuat tuduhan tanpa membuat penyelidikan terlebih dahulu;
- iii. Cinta atau bangga diri sendiri di samping lebih suka mengikut hawa nafsu, justeru, mereka lebih menjaga kepentingan tuannya;
- iv. Berlumba-lumba untuk menampilkan individu tertentu dan keturunannya;
- v. Taksuf dan fanatik terhadap pandangan individu dan mazhab tertentu;
- vi. Taksuf atau fanatik dengan parti atau jemaah tertentu.

Manakala Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka) (1990:159-160) menegaskan bahawa bertengkar ataupun membantah-bantah asalnya bertujuan untuk mencari "kebenaran" khususnya ketika berlaku perdebatan antara pihak tertentu. Namun akhirnya, perdebatan menjadi sehingga pada peringkat merendahkan orang lain dan tidak hormat terhadap pendapat antara pihak yang berbeza pendapat. Akhirnya, perbincangan awal membincangkan isu yang baik telah keluar daripada pokok kata dan menimbulkan kemarahan sehingga menenggelamkan kebenaran. Persahabatan berganti menjadi permusuhan dan merenggangkan hati pihak yang bertelagah. Pada awalnya pertelingkahan hanya melibatkan beberapa individu kemudian akan merebak kepada kelompok dan seterusnya sehingga pada peringkat masyarakat dan negara. Dalam keadaan seperti ini mudah berlaku senario hina-menghinakan, jatuh-menjatuhkan, dengki-mendengki sehingga boleh menumpahkan darah yang akan menghilangkan kasih sayang, kepercayaan dan rasa simpati dalam kalangan masyarakat sesebuah negara. Dalam penyelidikan ini, pendapat Hamka amat benar dan tepat

disebabkan pada awalnya pertelingkahan ini hanya melalui laman sosial khususnya blog politik dan lama-kelamaan akan diterjemahkan kepada kekerasan fizikal apabila berlaku pertembungan politik terutamanya ketika berlakunya kempen pilihan raya ataupun perhimpunan umum yang dilakukan oleh pelbagai pihak tertentu yang berlainan pegangan politik.

Kesimpulannya, agama telah menggariskan adab dan etika untuk berbeza pendapat dalam pelbagai ranah kehidupan manusia. Namun, ada pihak tertentu menggunakan alasan “agama” untuk menghina, dan melabel sesama manusia hanya kerana tidak bersetuju dengan pendapat dan pandangan mereka dalam sesuatu isu berkaitan politik. Malah terdapat pihak yang terang-terangan tidak mengendahkan tuntutan agama dengan membuka aib sesama manusia sehingga sanggup saling memfitnah demi mengejar dan mempertahankan kuasa.

Perkara ini perlulah diinsafi disebabkan Allah akan memelihara aib seseorang di alam akhirat kelak selagi manusia tersebut tidak membuka aib di alam dunia bagi manusia lain tanpa alasan yang dibenarkan oleh syariat seperti untuk mendapatkan keadilan dalam sistem undang-undang.

Kesantunan Bahasa Teras Tamadun Bangsa (Sejarah Bangsa)

Dalam kehidupan masyarakat Melayu tradisional, hal berkaitan kesantunan berbahasa amat diutamakan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu. Malahan kesantunan bahasa dan adab santun merupakan hal yang amat penting dalam pandangan sarwajagat masyarakat Melayu sejak dari zaman dahulu hingga kini. Hal tersebut dibuktikan apabila telah terdapat ribuan karya persuratan Melayu yang telah menggambarkan ketinggian budi pekerti bangsa Melayu yang terdiri daripada hikayat, syair, pantun, gurindam, peribahasa, bidalan, seloka dalam pelbagai ranah dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu. Penyelidik beranggapan orang Melayu itu lebih bijak menikam manusia dengan kata-kata, berbanding menikam dengan senjata seperti sesuai dengan peribahasa *Pisau senjata tiada bisa, bisa lagi mulut manusia*.

Bukhari al-Jauhari melalui Kitab *Taj Us Salatin (Mahkota Segala Raja-Raja)* fasal keenam belas (1992:156-158) telah memperkatakan kepentingan budi bahasa dan pekerti mulia dalam aspek kehidupan manusia. Fasal tersebut menekankan bahawa kebahagiaan dan kecelakaan seseorang dalam kehidupan di alam dunia dan di alam akhirat sangat bergantung kepada budi pekerti yang dimiliki oleh manusia itu sendiri. Malahan fasal tersebut juga menyatakan budi pekertilah yang membezakan kehidupan seseorang itu sebagai manusia ataupun mempunyai sifat kehaiwanan walaupun mereka mempunyai rupa wajah manusia. Fasal tersebut menerangkan bahawa dalam kitab *sifat al-Akal*

dikatakan beza antara segala orang yang berbudi dengan orang tidak berbudi itu tujuh perkara tandanya. Maka barang siapa yang mendengar segala tanda itu harus diingatkan segala tanda tersebut supaya dapat mengenal orang yang berbudi daripada orang yang tiada berbudi.

Tanda orang berbudi ialah :

1. Siapa berbuat jahat kepada orang berbudi itu maka dibalas dengan perbuatan baik juga disebabkan mengampunkan kejahatan itu.
2. Merendahkan dirinya pada sekalian orang yang kurang martabat daripada dirinya sendiri.
3. Diusahakan dengan sangat tekun pada segala pekerjaan yang baik dan pada segala perbuatan yang terpuji dilaksanakan dengan segera.
4. Dibencikannya pada segala pekerjaan keji dan segala orang yang jahat.
5. Sentiasa menyebut nama Allah dan memohon ampun atas segala kesalahan dan sentiasa mengingati maut dan kubur.
6. Segala perkataan yang diucapkan diketahui tentunya dan tahunya pada tempat dan ketikanya.
7. Segala kesukaran hanya dia bergantung kepada kurnia Allah kerana sifat Tuhan itu amat mengasihani.

Manakala tanda orang kurang berbudi ialah :

1. Menganiaya segala orang yang di bawah hukumnya (kekuasaannya).
2. Membesarkan dirinya daripada sekalian orang dan melihat mudah kepada segala orang yang kecil.
3. Perkataan yang dikeluarkan tiada dengan adab.
4. Tiada melarang perbuatan orang bersalah daripada salahnya dan tiada benci akan kesalahan tersebut.
5. Mengasihikan segala perbuatan yang salah dan mengasihi segala orang yang jahat dan tidak melaksanakan amalan agama seperti sembahyang, puasa, dan sebagainya.
6. Pekerjaan yang baik diperlambat dan pekerjaan yang jahat akan disegerakan.
7. Apabila datang sesuatu kesukaran dalam kehidupan, dan tiada sabar menghadapinya yang akhirnya akan memusnahkan diri sendiri.

Selain itu, pada masa dahulu telah terdapat sistem panggilan yang lengkap dalam komunikasi yang melibatkan hubungan antara pemerintah dengan rakyat serta hubungan yang melibatkan kelas sosial dalam masyarakat Melayu. Tambahan pula, hubungan yang melibatkan

perbezaan umur, serta hubungan yang melibatkan kekeluargaan juga mempunyai sistem panggilan khusus yang masih digunakan sehingga kini. Manakala bagi sistem panggilan dalam bahasa istana pula panggilan “*Tuan*ku” digunakan untuk sultan atau raja dan panggilan “*patik*” digunakan untuk kata ganti nama kedua bagi rakyat biasa. Manakala panggilan “*Tuan Hamba*” untuk kata ganti nama kedua ketika berkomunikasi dua hala, dan panggilan “*Hamba*” bagi penggunaan kata ganti diri pertama telah menunjukkan kerendahan hati masyarakat Melayu pada masa itu ketika berkomunikasi. Hal ini menunjukkan bahawa orang Melayu pada zaman dahulu sangat merendah diri serta tidak sombong sehingga meletakkan diri mereka setaraf dengan “*Hamba*” ketika mereka sedang berkomunikasi. Seperti juga perkataan “*Saya*” iaitu kata ganti nama diri pertama yang digunakan pada masa ini disebut sebagai “*sahaya*” pada masa dahulu yang dari segi maksud leksikalnya “*abdi*” dan “*hamba*” (KDE-4).

Dalam *Hikayat Hang Tuah* (2008:349) terdapat dialog yang penuh santun dan terdapat unsur kebergantungan pengharapan antara sultan dengan pahlawan negara untuk menghadapi malapetaka yang sedang berlaku pada masa tersebut akibat amuk Hang Jebat.

“Setelah sudah maka Laksamana pun menyembah, “Daulat tuanku.” Maka titah raja, “Ya kekasihku, bahawa aku terlalu amat beroleh malu. Adapun sekarang siapatah lain daripada kekasihku yang menghapuskan arang pada muka ini?” Maka sembah Laksamana, “Daulat Tuanku”, seraya berpaling menyembah bendahara, katanya, “Sahaya pohonkan keris panjang sahaya datuk.”

Selepas Laksamana Hang Tuah menikam Hang Jebat yang hampir meninggal dunia terdapat dialog yang penuh santun antara dua sahabat yang akan berpisah disebabkan pertentangan pegangan fahaman dan tindakan masing-masing. Walaupun selepas bertarung dengan hebat masih terdapat unsur kesantunan atas nama persahabatan dalam perbualan mereka pada akhir hayat Hang Jebat (2008:367).

“Maka kata Laksamana Hang Tuah pada Hang Jebat, “Hai saudaraku, maukah saudaraku makan nasi barang sesuap? Maka sahut Hang Jebat, “Mohon diperhamba, tetapi yang kasih orang kaya itu tiadalah terbalasnya oleh diperhamba, melainkan Allah Taala jua membalas dia. Jikalau ada kasih akan diperhamba, ada suatu pesan diperhamba.”.....

Manakala orang Melayu khususnya pahlawan Melayu pada masa dahulu walaupun berada dalam keadaan amat marah masih dapat mengawal perbuatan dan kata-katanya dengan beradab. Hal ini terutamanya jika

konflik dan pertembungan tersebut terjadi antara golongan rakyat dengan raja ataupun dengan golongan berpangkat besar. Peristiwa ini berlaku apabila Sultan Mahmud Syah telah pergi meniduri isteri Tun Biajit, ketika Tun tiada di rumah pada malam hari. Pada masa itu Tun boleh membunuh sultan atas perbuatan baginda tersebut ketika sultan keluar dari rumahnya pada waktu pagi. *Sulalat al- Salatin* (2009:157) menunjukkan kata-kata Tun Biajit masih terkawal walaupun telah berlaku perkara mungkar yang dilakukan oleh sultan terhadap isterinya.

“Daripada dia hamba Melayu tiada mahu mengubahkan setianya juga sekadar lembingnya juga ditimangnya, katanya, “Hai Sultan Mahmud Syah, demikianlah pekerti tuan hamba. Sayang tuan hamba, tuan pada hamba. Jikalau tuan hamba bukan tuan pada hamba nescaya lembing ini kutikamkan di dada tuan hamba.”

Sultan yang amat berkuasa pada masa itu juga telah merendah diri dan mengaku salah atas perbuatan keji yang telah dilakukan oleh baginda. Maka titah baginda kepada para pengawalanya:

“Jangan kamu sekalian marah, kerana katanya itu benar. Sebab sedia salah kita padanya, hukumnya patut dibunuhnya oleh dia. Hamba Melayu tidak mahu durhaka mengubahkan setianya, maka demikian itu lakunya.”

Manakala dalam sistem panggilan hubungan kekeluargaan masyarakat Melayu pula sudah terdapat panggilan yang lebih santun dalam panggilan sapaan yang melibatkan ahli keluarga. Panggilan tradisi mengikut susunan adik-beradik dalam keluarga tradisi Melayu adalah seperti pak/ayah/mak/abang/kak “Long”, “Ngah”, “Lang”, “Anjang”, “Cik”, dan “Ucu” berbanding panggilan sapaan moden seperti “Uncle” dan “Auntie” ; “Bro” dan “Sis” yang tidak spesifik serta bersifat panggilan am.

Manakala dalam kitab *Kiliran Budi* (1956) terdapat juga beberapa perumpamaan yang menggambarkan kepentingan kesantunan berbahasa dan hidup berbudi bahasa bagi masyarakat Melayu. Antara contoh perumpamaan tersebut ialah :

“ Hilang bini boleh dicari, hilang budi badan celaka”;
“ Sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan merasa”;
“Keris pedang tiada tajam lebih tajam mulut manusia”; dan
“Terlajak perahu boleh patah balik, terlajak kata buruk padahnya”.

Manakala kesantunan berbahasa dan budi pekerti yang baik digambarkan dalam bentuk pantun Melayu seperti dalam *Kurik Kundi Merah Saga* (2009) pula adalah :

*Ambilkan saya buah delima,
Masak sebiji di balik daun;
Budi tuan saya terima,
Jadi kenangan bertahun-tahun.*

*Bagaimana tidak diikat,
Kain batik sama sujinya;
Bagaimana tidak diingat,
Orang baik bahasa budinya.*

*Buah rambai dalam peti,
Lazat cita pula rasanya;
Pandai sungguh mengambil hati,
Serta dengan budi bahasanya.*

*Bunga Melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.*

*Jikalau ada lenggudi pahit,
Belanga baharu saya jerangkan;
Jikalau ada budi yang baik,
Menjadi abu saya kenangkan.*

Selain itu, pada masa dahulu, terdapat “kontrak sosial” antara pemimpin dengan rakyat agar tidak timbul perbuatan mencela, hina-menghina, caci-mencaci, fitnah-memfitnah, gelar-menggelar dalam kalangan masyarakat termasuk pemerintah pada zaman tersebut. Hal tersebut telah ditegaskan dalam waad atau perjanjian antara Sang Sapurba (Seri Teri Buana) yang mewakili pemerintah dengan Lemang Lebar Daun mewakili golongan rakyat. *Sulalat al- Salatin* (2009:23-24) mengemukakan dialog antara mereka yang inti pati waad tersebut menyatakan bahawa anak Melayu pantang derhaka kepada sultan ataupun pemerintah, manakala anak Melayu yang telah melakukan kesalahan perlu dihukum walaupun sehingga ke tahap hukuman bunuh tetapi maruahinya tidak boleh diaibkan dan dipersendakan khususnya kepada khalayak ramai. Jika perjanjian ini dilanggar maka balasannya negara yang meliputi pemimpin dan rakyat akan mendapat bala serta kemusnahan daripada Allah. Oleh demikian, demi memastikan kelangsungan tamadun bangsa di negara tercinta ini

maka adab dan etika dalam komunikasi pelbagai wahana perlu dipraktikkan dan asas pegangan semua rakyat Malaysia khususnya masyarakat Melayu.

Kesantunan Bahasa dalam Kehidupan Bernegara (Hidup Harmoni)

Dalam konteks pembinaan negara bangsa, elemen bahasa amat penting dalam entiti kenegaraan sesebuah negara. Selepas mencapai kemerdekaan daripada penjajah maka negara yang baharu bebas daripada cengkaman penjajah cuba membentuk jati diri sendiri untuk membentuk identiti negara tersebut. Hal demikian, amat penting untuk memastikan bahawa negara tersebut tidak mahu dilihat sebagai negara yang lemah kerana masih menjadi mangsa imperialisme bahasa penjajah walaupun telah mencapai kemerdekaan dari segi politik dan pentadbiran negara. Oleh demikian, elemen kesantunan berbahasa dan budi bahasa telah diangkat menjadi teras kepada rakyat negara Malaysia dalam melahirkan masyarakat bermaruah dan bersikap penyayang dalam kehidupan bernegara.

Selain itu, kesantunan berbahasa juga dituntut bagi semua warganegara untuk memastikan bahawa keharmonian hidup bermasyarakat dalam negara dapat dikekalkan. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan bencana kepada negara akibat perpecahan dalam kalangan masyarakat disebabkan tiada kawalan dan panduan dalam komunikasi. Kita tidak mahu peristiwa hitam pada 13 Mei 1969 yang salah satu punca utama berlakunya tragedi tersebut disebabkan penggunaan bahasa yang tidak santun antara pelbagai kaum berulang kembali jika kesantunan bahasa tidak dijadikan pegangan kepada setiap warganegara Malaysia. Hal ini ditegaskan oleh Abdul Rahman Ibrahim, dalam bukunya 13 Mei 1969, di Kuala Lumpur, yang menyatakan tentang penyebab utama kepada suasana tegang dan genting beberapa hari sebelum tercetusnya tragedi 13 Mei 1969 ialah peranan yang dimainkan oleh media massa dalam membakar semangat perkauman. Kebanyakan daripada pengkaji menjelaskan punca berlakunya rusuhan tersebut disebabkan akhbar tempatan saban hari membuat ulasan atau komentar yang bersifat prejudis sama ada untuk membela sesuatu kaum atau menghina kaum yang lain. Selain itu, masyarakat pada masa itu bergantung pada sumber berita tidak rasmi, iaitu khabar angin yang dibawa daripada mulut ke mulut. Rentetan daripada peristiwa memilukan tersebut, Tan Sri Ghazali Shafie yang mengetuai Jabatan Perpaduan Negara telah mengadakan perbincangan dengan Majlis Perundangan Negara untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu, adil, saksama, dan maju dari segi sosial dan ekonomi dengan mewujudkan ideologi Rukun Negara. Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970, iaitu sempena ulang tahun kemerdekaan negara ke-13 oleh Yang di-Pertuan Agong Seri Paduka Baginda Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin. Prinsip Rukun Negara kelima, iaitu Kesopanan dan Kesusilaan

bertujuan menekankan personaliti dan tingkah laku seseorang rakyat yang mendukung sikap hemah tinggi dan menggunakan bahasa dengan penuh santun dalam komunikasi. Manakala tatasusila bertujuan untuk membendung individu atau kelompok tertentu yang secara terang-terangan begitu angkuh dan sombong dalam menyentuh perkara sensitif seperti agama, bangsa, bahasa, kuasa raja-raja, dan kerakyatan serta hal yang berkaitan kehidupan masyarakat majmuk dalam negara ini, terutamanya jika melanggar prinsip yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Tuntutan kesantunan berbahasa ini menjadi tanggungjawab kepada setiap warganegara Malaysia walaupun mereka sedang berada dalam medan peperangan politik untuk mencapai matlamat utama politik, iaitu “kuasa”.

Selain itu, dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berteraskan akar jati diri bangsa, maka kerajaan melalui Perdana Menteri pada masa itu, YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah melancarkan Kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni pada 11 Januari 2005. Perdana Menteri pada ketika itu amat mementingkan pembinaan modal insan dalam pembinaan dan pembangunan negara. Hal ini amat penting bagi memastikan terdapat keseimbangan antara kemajuan material dengan usaha memulihara kesantunan dan peradaban bangsa.

Matlamat kempen tersebut adalah untuk:

- i. Mendedahkan dan menanam erti pelbagai nilai murni dan nilai budi bahasa.
- ii. Menggalakkan penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan anggota masyarakat.
- iii. Sebagai inti sari jati diri peribadi serta perilaku anggota masyarakat dalam kehidupan harian.

Hal ini disebabkan terdapat kecenderungan rakyat Malaysia yang kurang mengamalkan kesantunan berbahasa, iaitu tidak suka mengucapkan terima kasih apabila mendapat pertolongan daripada orang lain serta kurang memberikan salam dan menjawab salam ketika bertemu muka antara satu sama lain. Sikap santun ini amat penting untuk mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat majmuk rakyat Malaysia disebabkan suhu ketegangan antara kaum boleh naik mendadak jika hal tersebut diabaikan oleh rakyat dan pucuk pimpinan negara, terutamanya yang melibatkan isu politik.

Antara inti pati ucapan Perdana Menteri ketika merasmikan pelancaran kempen tersebut pada 11 Januari 2005, jam 9.30 pagi, di Istana Budaya, Kuala Lumpur, adalah tentang kerisauan beliau dan rakyat Malaysia berkaitan kesantunan dan budi bahasa yang semakin diabaikan. Beliau

menegaskan bahawa tahap kemudahan infrastruktur negara berada pada tahap “negara kelas pertama” seperti pembangunan dan prasarana moden, khususnya yang melibatkan teknologi maklumat, namun kemajuan tersebut tidak seimbang malahan seakan-akan mundur dengan kemajuan moral dan budi bahasa seolah-olah seperti pemikiran “minda kelas ketiga”. Beliau juga menyeru anggota perkhidmatan awam khususnya yang bertugas di kaunter dan berurusan dengan orang awam supaya mengamalkan kesantunan berbahasa dan tutur kata yang mesra. Selain itu, beliau juga menekankan supaya penjawat awam sentiasa memberikan senyuman dengan ikhlas dan mengucapkan salam ketika bertemu sesama mereka dan kepada rakyat dalam urusan seharian. Hal ini penting disebabkan kesantunan berbahasa merupakan tuntutan agama yang perlu dipatuhi semua rakyat Malaysia yang menganuti agama masing-masing. Hal ini disebabkan elemen berkaitan tuntutan agama merupakan prinsip pertama Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan yang menjadi pegangan utama rakyat Malaysia.

Manakala, Perdana Menteri Malaysia pada masa ini iaitu YAB Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak yang mempopularkan gagasan 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan telah memberikan penekanan kepada empat nilai utama untuk mencapai kemajuan dan perpaduan rakyat Malaysia melalui gagasan tersebut. Nilai tersebut ialah kesederhanaan, rendah hati (tawaduk), berbudi bahasa, dan hormat-menghormati. Melalui nilai berbudi bahasa rakyat Malaysia diminta sentiasa mengamalkan sifat berbudi bahasa dengan sesiapa sekalipun tanpa mengira status, kaum, dan agama. Setiap tutur kata harus dijaga, tingkah laku harus tertib dan sentiasa santun ketika berkomunikasi dalam kalangan rakyat. Selain itu, nilai rendah hati juga perlu dipraktikkan dalam diri rakyat Malaysia. Sifat sedia mendengar, tidak sombong, tidak ego serta tidak bongkak perlu diterapkan dalam diri kerana orang Melayu sejak zaman dahulu sangat menghargai orang yang merendah diri dan tidak berlagak sombong ketika berkomunikasi antara satu sama lain. Tambahan pula, sifat kesederhanaan dan hormat-menghormati dalam nilai gagasan tersebut diharapkan dapat menjadi “sempadan” kepada tindakan menguruskan perbezaan pendapat, ideologi, persepsi, dan pegangan agama dengan tidak melakukan perbuatan “melampau” sama ada melalui penghinaan, caci-maki, fitnah-memfitnah, dan adu domba dengan pelbagai wahana kepada pemimpin dan rakyat atas dasar perbezaan tersebut.

Kesantunan Bahasa bagi Hakikat Keinsanan (Psikologi)

Sigmund Freud dalam Mahmood Nazar Mohamad (1992) telah mempelopori teori psikologi psikoanalisis untuk membincangkan personaliti manusia. Beliau juga menegaskan bahawa sebahagian besar tingkah laku manusia adalah berdasarkan keadaan yang tidak rasional dan bersifat naluri. Selain itu, biasanya perlakuan manusia dipengaruhi oleh dua jenis konflik yang tidak disedari iaitu alam tidak sedar dalam diri

manusia, iaitu konflik agresif dan konflik seksual. Pandangan beliau bahawa personaliti manusia mempunyai tiga elemen utama yang berinteraksi sesama sendiri iaitu *Id*, *Ego*, dan *Superego*. *Id* ialah kehendak naluri manusia dan biasanya keinginan melakukan kejahatan dan mencapai matlamat tertentu yang juga dikenali sebagai nafsu dalam psikologi Islam. *Superego* pula sistem yang mengandungi pegangan moral serta etika dalam kehidupan individu dan didikan yang diperoleh daripada didikan ibu bapa dan norma sesuatu masyarakat. Manakala *Ego* pula merupakan penggerak atau pelaksana sesuatu perlakuan oleh individu yang melahirkan personaliti tertentu bagi manusia. Dalam konteks penyelidikan ini, *Id* merupakan kehendak buruk manusia melalui nafsu yang sentiasa mahu menjatuhkan manusia lain melalui fitnah, cacian, adu-domba, dan kata-kata hinaan serta makian. Hal ini diterjemahkan kepada perbuatan manusia melalui *Ego* yang menggunakan media sosial khususnya blog politik demi mencapai matlamat politik dan kepentingan masing-masing. Manakala pertimbangan *Superego* merupakan "pengawal" biasanya terdiri daripada pertimbangan agama dan moral, serta kebimbangan akan dikenakan tindakan undang-undang kepada pihak-pihak yang bertelagah dan "bertempur" dalam ruang maya yang melibatkan penulis dan pengikut blog politik.

Manakala menurut perspektif Behaviorisme yang dipelopori oleh ahli psikologi seperti Ivan Pavlov, J.B. Watson, B.F. Skinner, dan E.L. Thorndike dalam Mahmood Nazar Mohamad (1992) segala tindakan manusia dipengaruhi oleh alam sekeliling (1992:24-25). Mereka juga menegaskan bahawa tingkah laku manusia boleh ditentukan oleh pengalaman lampau serta keadaan sekeliling yang dilalui oleh kehidupan seseorang manusia. Dalam konteks penyelidikan ini, tingkah laku berkaitan perkataan yang tidak santun dipengaruhi oleh persekitaran yang melibatkan ibu bapa, guru, rakan sekolah, dan kejiranan mereka. Individu yang terdedah dengan lebih kerap dan dalam kuantiti yang tinggi terhadap perkataan yang tidak santun akan mempengaruhi tindakan mereka berlaku tidak santun ketika berbicara dan ketika menggunakan media sosial khususnya blog politik. Oleh demikian, pendedahan dalam penggunaan bahasa yang penuh santun sama ada di rumah, di sekolah, dan di kawasan kejiranan diharapkan menjadi benteng dan kawalan terhadap individu supaya mempraktikkan kesantunan bahasa dalam pelbagai wahana termasuk blog politik.

Selain itu, bidang psikologi juga menegaskan bahawa setiap manusia mempunyai harga diri ataupun air muka yang perlu dipelihara dan tidak boleh dipersendakan demi memastikan martabat kemanusiaan itu dipertahankan. Setiap manusia perlu dilayan sebagai insan bagi mengelakkan berlaku ketegangan yang membawa kepada konflik dalam sesuatu wahana komunikasi. Mengikut Teori Hieraki Kehendak Maslow dalam Mahmood Nazar Mohamad (1992) yang dikemukakan pada tahun 1954 (1992:277) menegaskan pada tahap keempat teori tersebut, iaitu

setiap manusia memerlukan penghargaan diri dalam hubungan individu tersebut dengan masyarakat. Manusia ingin dihormati dan sentiasa dimuliakan dalam masyarakat, iaitu melalui panggilan yang disukai oleh individu itu sendiri dan penggunaan bahasa yang santun ketika berinteraksi dalam masyarakat. Selain itu, manusia juga cuba memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat untuk menyempurnakan kehidupan mereka. Oleh itu, kita perlulah berhati-hati ketika mengeluarkan kata-kata termasuk ketika emosi kita pada ketika itu tidak stabil dan berada dalam keadaan marah agar tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Hal ini disebabkan individu yang menghantar mesej dan individu yang menerima mesej komunikasi merupakan individu yang berbeza daripada pelbagai aspek dalam kehidupan mereka. Setiap manusia berbeza dari segi kedudukan, persepsi, sistem nilai, sejarah hidup, kepercayaan dan sikap yang membentuk pandangan sarwajagat mereka dalam melaksanakan sesuatu tindakan terhadap rangsangan.

Hal ini menyebabkan terdapat perkataan atau ayat yang tidak membawa maksud apa-apa kepada individu lain tetapi begitu “melukakan” hati individu lain atas faktor perbezaan tadi. Walaupun kadangkala pihak yang “terluka” hatinya tadi tidak menyatakan secara langsung dan hanya memendam di dalam hatinya dan hal ini bolehlah diibaratkan “*Terbakar kampung kelihatan asap, terbakar hati siapa yang tahu*”.

Persepsi pihak kolonial terhadap psikologi dan tindakan orang Melayu telah dizahirkan melalui *Introducing the Eastern Dependencies* dalam Abdul Rahman Embong (2014). Buku ini mengisahkan watak-watak manusia di negara-negara yang duduk di bawah naungan British, termasuklah Singapura, Hong Kong, dan Persekutuan Tanah Melayu. Menurut buku tersebut orang Melayu dikenali sebagai *Nature's Gentlemen*, iaitu “Mereka punyai harga diri, kebanggaan, sifat kejenakaan yang tajam dan mereka pantang kalau dicemuh”. Orang Melayu juga mempunyai sikap baik hati, suka berkenalan dan berkawan, suka kedamaian dan lemah lembut itu dibayangkan seperti yang berikut :

“Saudara jumpa sahaja satu kumpulan orang Melayu, bercakap dengan mereka, saudara akan terpegun dan terpaku dengan kelakuannya yang tinggi dan halus, dan dengan tertibnya. Bila orang lain bersorak dan berteriak, orang Melayu cuma berdiam dengan tenang. Biasanya dengan orang yang belum dikenali, mereka agak ‘reserve’ sedikit, tapi mereka dapat berbaik-baik dengan mudah dengan orang asing kerana mereka tidak punya perasaan rendah diri daripada orang lain. Suka akan kedamaian dan peraturan, mereka boleh tergelak dengan senang, suka akan tolak ansur dan kebijaksanaan untuk mengelakkan pertengkaran dan suka benar pada jalan tengah.”

(Introducing the Eastern Dependencies: 16)

Daripada pandangan pihak pengkaji Barat tersebut, jelas membuktikan orang Melayu mempunyai nilai keperibadian dan hati budi yang tinggi sejak dari zaman dahulu. Masyarakat Melayu begitu menekankan kesantunan berbahasa dalam komunikasi bagi mengelakkan berlakunya konflik berpanjangan antara pihak tertentu yang boleh membawa kepada permusuhan dan pergaduhan dalam masyarakat.

Namun perkembangan mutakhir ini telah terdapat perubahan yang ketara apabila orang Melayu semakin “berani” menzahirkan perasaan secara terus dengan mengeluarkan kata-kata yang tidak santun, terutamanya melalui media sosial. Malahan orang Melayu juga secara terbuka telah menempelak para pemimpin politik mereka secara terbuka, terutamanya melalui media sosial disebabkan secara keseluruhannya orang Melayu masih menghormati pemimpin apabila mereka bertemu secara bersemuka. Malahan senario pada masa kini orang Melayu juga telah menggunakan kata-kata makian, cacian dan penghinaan dengan berteriak dan bersorak dengan hebatnya sehingga membawa kepada kekerasan fizikal terutamanya ketika menghadapi pilihan raya melalui kempen pilihan raya dan rapat umum yang dihadiri oleh mereka.

Blog Wahana Politik Dunia Maya

Sebagai bahasa yang moden dan maju, sesuatu bahasa itu perlu berupaya menjadi wahana dalam pelbagai ranah komunikasi masyarakat yang kompleks termasuk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Kelahiran masyarakat dunia tanpa sempadan dan sistem langit terbuka merupakan titik tolak kepada penyampaian ilmu dan revolusi dalam penyampaian maklumat. Internet merupakan sebuah produk penyampaian maklumat yang mampu memberikan sejumlah maklumat yang positif atau negatif malah merangkumi segenap ruang lingkup perkara atau topik yang ingin dibicarakan oleh penggunanya.

Kelebihan dunia penyampaian maklumat telah dimanfaatkan secara menyeluruh oleh ramai peneroka dan pembangun TMK yang telah menghasilkan produk yang berasaskan dalam talian teknologi komunikasi. Antara produk teknologi komunikasi ialah Sistem Perhubungan melalui Pemrosesan Perkataan (Chat), Sistem Perhubungan melalui Talian Suara Jalur Lebar (VoIP), Sistem Rangkaian Perhubungan melalui Sistem Level seperti laman sosial. Perkembangan ini juga telah mewujudkan sistem penyampaian hebahan maklumat persendirian secara dalam talian, iaitu blog. Blog telah menjadi ciptaan yang telah berjaya menarik perhatian warga maya bagi menyampaikan maklumat secara peribadi ataupun secara tidak rasmi. Perkara ini perlu diberikan perhatian serius kerana peranan blog pada masa kini mampu memberikan impak yang besar terhadap sesuatu isu yang dikemukakan, khususnya yang berkaitan dengan politik di sesebuah negara.

Namun hakikatnya, untuk menjadi sebuah bangsa yang berjiwa besar dan bertamadun, bangsa tersebut bukan sahaja dinilai dari aspek kekayaan material dan kemajuan teknologi maklumat semata-mata. Ketamadunan bangsa tersebut juga dinilai dari aspek keperibadian dan ketinggian budi pekerti masyarakat tersebut ketika berkomunikasi dalam pelbagai wahana. Bangsa yang bertamadun perlu mengamalkan kesantunan berbahasa yang secara umumnya bermaksud penggunaan bahasa secara baik, sopan, beradab, memancarkan keperibadian yang mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara. Dalam konteks komunikasi moden melalui Internet, warga pengguna Internet merupakan teman berbicara dalam sesuatu komunikasi walaupun tidak dilakukan secara bersemuka.

Menurut Mohd Suhaimy Abu Bakar dan Mohammed Farid Sulaiman (2007:11), blog ialah laman web yang berbeza berbanding laman web lain disebabkan blog seperti sebuah diari atau jurnal. Kandungan blog disusun secara kronologikal mengikut tarikh iaitu kandungan yang terbaharu berada di bahagian atas, dan kandungan yang lama akan berada di bahagian bawah. Pada masa ini, dalam blog seseorang boleh menulis apa-apa sahaja yang diminati dan diinginkan oleh penulis blog, sama ada mengenai perjalanan hidup, idea yang muncul dalam fikiran, pendapat peribadi tentang isu semasa khususnya politik. Blog yang bermula pada awalnya sebagai wahana mencatatkan isu peribadi seseorang individu, hinggalah kini telah berubah menjadi "medan tempur" yang membincangkan dan membahaskan isu politik semasa dalam negara serta hal yang berkaitan dunia sejangat.

Mohd Suhaimy Abu Bakar dan Mohammed Farid Sulaiman (2007:13), menjelaskan antara ciri asas yang terdapat pada setiap blog ialah:

Isi kandungan - Isi kandungan merupakan kandungan utama bagi sesuatu blog. Isi kandungan kadangkala dipanggil artikel, *entry* atau *post* (kemasukan). Kandungan boleh berbentuk teks, gambar dan video.

Tarikh - Elemen ini adalah ciri yang paling jelas bagi blog. Setiap isi kandungan akan mempunyai tarikh yang akan menunjukkan bila isi kandungan tersebut dimasukkan dalam blog.

Ruangan komen - Elemen ini merupakan ciri yang paling menarik yang terdapat dalam blog. Ruang komen membolehkan para pembaca meninggalkan mesej, komen, kritikan, pendapat dan soalan kepada penulis blog mengenai isi kandungan yang dipaparkan.

Arkib - Arkib pula berfungsi untuk menyimpan dan mengumpulkan data-data lama yang pernah dipaparkan dalam blog. Arkib dijana secara automatik dan selalunya dikategorikan mengikut bulan. Sebagai contoh, semua data yang dihasilkan pada bulan Januari akan diarkibkan dan diletakkan di bawah label Januari 2007.

Pautan *RSS Feed* (suapan/umpan RSS) - Pada masa ini, setiap aplikasi blog sudah dilengkapi dengan fungsi RSS. Elemen ini membolehkan para pembaca mengikuti perkembangan terkini sesuatu blog dengan melanggan isi kandungan blog tersebut secara percuma menggunakan aplikasi pembaca RSS dalam komputer mereka.

Namun, dalam konteks ini blog khususnya ruangan komen membolehkan para pembaca meninggalkan mesej, komen, kritikan, pendapat dan soalan kepada penulis blog mengenai isu kandungan yang dipaparkan sewenang-wenang mengikut hati dan perasaan mereka tanpa kawalan. Kadangkala penulis blog menjadikan blog sebagai wahana melepaskan geram untuk meluahkan pendapat peribadi tentang isu berkaitan politik dalam negara. Blog juga dikategorikan mengikut pemilik dan tujuan sesuatu blog tersebut dihasilkan oleh pemiliknya. Blog peribadi dihasilkan bagi tujuan menampilkan kisah peribadi seperti aktiviti harian serta luahan perasaan dan pendapat. Manakala blog yang dihasilkan untuk tujuan politik pasti menunjukkan info terkini berkaitan aktiviti politik dan tokoh politik yang dikemukakan dalam blog tersebut. Blog tersebut juga dikenali sebagai *Political Blog* iaitu blog yang sering kali membicarakan isu politik. Dalam penulisan blog bukan sahaja hal yang berkaitan fakta dan pendapat yang bernas yang diutamakan untuk mendapat kedudukan sebagai penulis blog yang hebat dan terkenal di dalam negara. Selain itu, hal yang berkaitan dengan kebahasaan khususnya melalui kesantunan juga perlu dititik beratkan bagi mewujudkan hubungan baik antara penulis blog dengan pengikutnya serta para pembaca blog tersebut ketika berkomunikasi.

Namun dalam konteks penulisan blog politik dalam negara pada masa ini dilihat amat meruncing sehingga boleh menggugat keharmonian hidup rakyat Malaysia. Hal ini disebabkan penggunaan bahasa yang kurang santun seperti memaki-hamun, menghina, memfitnah, dan menyindir telah menjadi perkara biasa dan budaya dalam blog politik di Malaysia. Hal ini amat "mengerikan" jika tidak dibendung disebabkan hal tersebut memaparkan citra sebenar kehidupan Melayu Islam kepada kaum lain di Malaysia serta dunia luar yang seterusnya akan menjatuhkan maruah Melayu Islam itu sendiri. Malahan masyarakat dunia juga menilai masyarakat Melayu Islam itu sebagai masyarakat yang telah jauh tersasar daripada adab dan moral yang selama ini menjadi pegangan dalam kehidupan mereka sejak zaman dahulu semata-mata untuk mengejar kuasa politik. Hal sedemikian tidak boleh digunakan dalam politik di dalam

negara yang mengutamakan pendekatan dakwah serta berteraskan Islam di dalam negara. Seluruh gerakan dan pelaksanaan dalam bidang politik perlulah berlandaskan hikmah, ketelitian, dan kebijaksanaan. Segala perbezaan pendapat perlulah ditangani dengan tertib dan berhemah serta perlu mengambil kira realiti masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Senario Terkini Politik di Malaysia

Malaysia sebuah negara yang merdeka pada 31 Ogos 1957 setelah “dijajah” oleh kuasa Portugis, Belanda, Jepun, dan British lebih daripada 500 tahun dahulu. Selepas mencapai kemerdekaan, negara telah mengamalkan pemerintahan Raja Berperlembagaan yang berteraskan sistem demokrasi berparlimen yang terdiri daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Pada masa ini terdapat 222 kerusi parlimen dan 576 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang diisi oleh wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat yang berdaftar sebagai pengundi yang perlu dilaksanakan selewat-lewatnya setiap lima tahun. Sehingga kini sebanyak 13 kali pilihan raya umum (PRU) telah diadakan dan pilihan raya yang terkini PRU-13 telah diadakan pada 5 Mei 2013.

Penyelidik berpandangan bahawa politik ialah “seni segala kemungkinan” iaitu tidak ada kebenaran mutlak terhadap sesuatu tindakan politik oleh seseorang pemimpin politik. Selain itu, tidak ada kawan atau lawan yang kekal abadi dalam dunia politik. Namun politik di Malaysia seakan-akan sentiasa “bergelora” dan berada pada suhu yang panas disebabkan pelbagai isu khususnya yang melanda kepimpinan tertinggi negara sehingga kini. Senario ini boleh dikatakan bermula pada PRU-12, iaitu pada 8 Mac 2008 apabila kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional (BN) tidak mendapat majoriti 2/3 iaitu parti tersebut telah memenangi 140 kerusi parlimen manakala pembangkang yang membentuk Pakatan Rakyat (PR) memenangi 82 kerusi parlimen dan telah menang di lima negeri, iaitu Kelantan, Selangor, Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Malahan kegagalan Barisan Nasional untuk mendapat majoriti 2/3 juga berlaku pada PRU-13 iaitu pada 5 Mei 2013 apabila Barisan Nasional memenangi 133 kerusi parlimen manakala Pakatan Rakyat memenangi 89 kerusi parlimen. Barisan Nasional dapat merampas semula negeri Kedah dan Perak tetapi memerintah dengan majoriti tipis di negeri Perak dan Terengganu.

Senario ini telah menyebabkan berlaku persaingan sengit antara pihak kerajaan dengan pihak pembangkang sehingga kini dalam usaha merebut tampuk pemerintahan negara terutamanya pada pilihan raya akan datang. Hal ini telah menjadikan dunia maya khususnya blog menjadi “medan tempur” yang hebat untuk mempertahankan dan mengemukakan ideologi dan pemikiran bagi kedua-dua belah pihak tersebut. Malahan kempen

politik dunia maya pasti menjadi sangat penting menjelang PRU-14 disebabkan peningkatan yang tinggi dalam kalangan pengundi muda yang kebanyakannya menjadikan blog sebagai “kiblat” utama untuk membentuk persepsi mereka dalam sesuatu isu politik serta mempengaruhi trend pengundian mereka.

Isu politik dilihat “hangat” dalam blog politik ialah ketika ketua umum Pakatan Rakyat iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim memainkan peranan utama dalam mengutarakan pelbagai isu dalam negara kepada rakyat khususnya melalui ceramah umum serta kempen pilihan raya. Selain itu, perkembangan terkini menunjukkan senario politik yang amat “menarik” untuk dikaji iaitu apabila Dewan Undangan Negeri Kelantan yang diterajui oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan disokong oleh wakil ADUN UMNO dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) telah meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II Kelantan pada 19 Mac 2015. Senario ini dianggap sebagai isu “paling hangat” pada masa ini selepas isu liwat yang melibatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim kelihatan “beku” selepas beliau dipenjarakan selama lima tahun apabila didapati bersalah oleh Mahkamah Persekutuan atas kesalahan liwat. Isu ini juga telah menyebabkan gabungan parti dalam Pakatan Rakyat yang bergabung pada 1 April 2008 seperti berada dalam keadaan “gantung tidak bertali” dan telah dibubarkan pada masa ini. Malahan pada pihak Barisan Nasional juga sedikit “gelora” disebabkan isu tersebut. Manakala parti PAS telah berpecah selepas berlaku pertembungan antara golongan “ulama” dengan golongan “profesional” apabila pemimpin utama parti yang terdiri daripada golongan “profesional” yang menyokong untuk bergabung dalam Pakatan Rakyat telah tewas dalam pemilihan Muktamar Tahunan PAS ke-61. Kekalahan teruk ini telah menyebabkan beberapa pemimpin utama mereka yang diketuai oleh Tuan Haji Mohamad Sabu menubuhkan Parti Amanah Negara (Amanah) pada 16 September 2015.

Malahan keadaan ketidakpastian rakyat berkaitan ekonomi yang melibatkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan ataupun *Goods and services Tax* (GST) yang dilaksanakan pada 1 April 2015 juga telah menghangatkan suhu politik negara apabila berlaku polemik antara kedua-dua pihak yang menyokong ataupun menentang pelaksanaan GST di dalam negara. Selain itu, isu “kepincangan” 1 Malaysia *Development* berhad (1MDB) yang merupakan syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan Malaysia juga telah menjadi “isu panas” yang begitu menggegarkan politik dan kepimpinan dalam negara pada masa kini. Isu ini juga telah mengheret Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Keempat untuk kembali sebagai “pelaku” aktif dalam politik tanah air yang menambah “kekalutan” isu politik di dalam negara. Isu ini juga telah “mengejutkan” rakyat Malaysia apabila YB Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin Yassin telah dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 28 Julai 2015. Tindakan tersebut menyebabkan beliau terus menentang

kepimpinan pada masa kini dan akhirnya menyebabkan mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia itu dipecat sebagai ahli UMNO yang membawa kepada penubuhan parti serpihan iaitu Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Semua isu politik tersebut telah melahirkan “ketidaktentuan” dan “ketidakpastian” dalam dunia politik di Malaysia sehingga boleh membawa “bencana” kepada rakyat dan negara jika tidak ditangani dengan baik dan teratur. Malahan lebih membimbangkan jika pertembungan secara terbuka antara pihak Gerakan Merah Malaysia (Merah) dengan BERSIH (Kuning) ini tidak dihentikan bakal menjadi “bom pemusnah” apabila ada pihak sanggup “bermandi darah” sehingga menghancurkan keharmonian sebuah negara bangsa yang telah kita bina sehingga kini.

Hal ini sewajarnya tidak berlaku dalam negara yang sedang menuju menjadi negara maju pada tahun 2020 seperti Malaysia. Sepatutnya politik dijadikan wahana untuk memperkasakan kehidupan masyarakat dari segi sosioekonomi bukan melahirkan masyarakat yang saling bermusuhan dan dijadikan medan berlakunya “undang-undang rimba” yang hanya disebabkan oleh perbezaan ideologi dan fahaman politik. Rakyat seharusnya diberikan keselesaan dalam seluruh aspek kehidupan mereka seperti memiliki pekerjaan yang mempunyai pendapatan tinggi, pemilikan rumah sendiri, jaringan keselamatan sosial yang meluas dan kemudahan pendidikan bertaraf dunia. Rakyat tidak wajar dijadikan “umpan” demi kepentingan politik pihak tertentu untuk “merampas” dan mengekalkan kuasa politik dalam genggaman mereka.

Pernyataan Masalah

Pada masa ini kata makian, cacian, lucah dan menghina sesama manusia semakin kerap digunakan sehingga ke tahap yang amat membimbangkan dalam media sosial khususnya blog politik dalam negara. Kata-kata seperti “barua”, “haram jadah”, “macai” , “balaci” , “pegi mampos”, “kepala bapak”, “jebon” (*kiasan bagi seseorang yang buas, nakal, dan hodoh*) dan kata-kata kesat tersebut berleluasa digunakan dalam blog politik. Sehingga ini, banyak kajian dilaksanakan tentang bahasa khususnya kesantunan berbahasa dalam pelbagai ranah kehidupan masyarakat serta dalam pelbagai bidang. Antaranya Radiah Yusoff (2012) telah mengkaji kata makian yang digunakan oleh para pengguna Internet di Malaysia dengan tajuk “*Pegi Mampos La Bodoh. Satu Tinjauan Terhadap Ungkapan Makian dan Ke (tidak) Santunan dalam Interaksi Internet*”.

Selain itu, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2011) telah melaksanakan kajian bertajuk

“*Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah*”. Namun, belum terdapat lagi senarai perkataan tidak santun dan kategori perkataan tidak santun dalam blog politik Malaysia untuk digunakan sebagai rujukan dan panduan kepada masyarakat terutamanya kepada pelajar yang disediakan oleh penyelidik bahasa Melayu. Permasalahan ini telah bertepatan dengan persoalan kajian pertama penyelidik. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi kelompangan kepada penyelidik untuk mengenal pasti senarai ungkapan tidak santun dan mengkategorikan perkataan tersebut dalam blog politik di Malaysia.

Pada masa ini wacana yang digunakan oleh pihak penulis blog dan pembaca blog telah melanggar prinsip kesantunan dalam komunikasi. Tindakan ini perlu dibendung bagi mengelakkan gejala yang lebih buruk dalam kalangan masyarakat pada masa akan datang. Kajian berkaitan aspek prosodi iaitu intonasi suara dengan maksud semantik sesuatu perkataan telah dilaksanakan oleh Indirawati Zahid (2009). Beliau menekankan kepentingan supaya memberikan tumpuan kepada bunyi suara dan maksud tersurat serta maksud tersirat dalam sesuatu wacana untuk menjaga maruah dan air muka antara pihak yang berkomunikasi. Franzischa, Laoura Winda (2012) telah mengaplikasikan Prinsip Kesantunan Leech (1983) bagi menjelaskan pelanggaran prinsip kesantunan dalam penulisan komik Crayon Shinchan Volume 2 yang ditulis oleh Yoshito Usui. Bahasa dalam komik tersebut telah melanggar prinsip kesantunan yang membawa kesan negatif kepada sesuatu masyarakat. Namun, masih belum terdapat penyelidik yang mengkaji pelanggaran prinsip kesantunan khususnya berkaitan dengan ujaran antara penulis dan pihak yang mengemukakan komen dalam blog politik. Oleh yang demikian, permasalahan ini telah membuka ruang dan peluang kepada penyelidik untuk menjawab persoalan objektif kedua penyelidikan ini.

Walaupun blog politik pada masa ini sarat dengan penggunaan kata yang tidak santun, namun masih belum terdapat buku panduan berkaitan kesantunan bahasa dalam blog politik untuk kegunaan masyarakat. Sehingga kini masih belum terdapat *Panduan Kesantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia* yang bertujuan menyediakan bahan rujukan kepada penulis blog serta pembaca yang memberikan komen supaya menggunakan bahasa yang santun dalam penulisan blog mereka. Melalui panduan tersebut, komuniti blog boleh menggunakan panduan serta pedoman yang diterbitkan bagi memelihara martabat keinsanan individu dan masyarakat yang terlibat dalam blog tersebut. Kelompangan dan kekurangan ini menyebabkan panduan tersebut wajar diterbitkan dan seterusnya dikemukakan kepada masyarakat dan seterusnya menjawab persoalan ketiga kajian ini.

Persoalan Kajian

- i. Apakah perkataan tidak santun dan kategori perkataan tersebut yang digunakan dalam blog politik di dalam negara?
- ii. Sejauh manakah pelanggaran prinsip kesantunan bahasa dipraktikkan dalam ujaran antara penulis blog politik dengan pembaca blog di dalam negara?
- iii. Bagaimanakah Panduan Kesantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia dihasilkan serta dapat membantu para penulis blog dan pengikutnya memanfaatkan panduan tersebut dalam penulisan blog politik?

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti bahasa tidak santun dalam penulisan blog politik di Malaysia
- ii. Menganalisis bahasa tidak santun dalam penulisan blog politik
- iii. Menghasilkan Panduan Kesantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia

Batasan Kajian

Objektif pertama penyelidikan ini terbatas kepada penggunaan bahasa Melayu dalam blog politik dalam negara yang terdiri daripada lima blog politik menyokong pihak kerajaan dan lima blog politik menyokong pihak pembangkang. Data kajian yang dipilih terdiri daripada 10 entri berserta komen daripada pembaca bagi setiap blog yang dipilih. Data yang dikumpulkan daripada entri blog politik dalam lingkungan bulan Mei 2013 sehingga bulan September 2016. Entri blog yang dipilih secara Pensampelan Mudah (*Convenience Sampling*) mengandungi pelbagai elemen seperti ekonomi, integriti, keagamaan, keselamatan negara, perhimpunan umum, hubungan antarabangsa, sosial serta isu lain yang melibatkan kenegaraan dan kemanusiaan.

Objektif kedua kajian terbatas kepada untuk menganalisis 100 komen ujaran antara penulis blog dengan pengikutnya yang tidak santun dalam blog politik. Data kajian dianalisis menggunakan model Prinsip Kesantunan Leech 1983 yang merangkumi enam maksim iaitu Maksim Kebijaksanaan/Kearifan; Maksim Pujian; Maksim Kerendahan Hati; Maksim Kedermawanan; Maksim Kesepakatan; dan Maksim Simpati.

Objektif ketiga penyelidikan ini terbatas kepada penghasilan buku *Panduan Kesantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia* merangkumi kandungan buku iaitu Pendahuluan; Kepentingan dan Prinsip Kesantunan

Bahasa dalam Blog Politik; Kesimpulan; dan senarai perkataan tidak santun dalam blog politik yang dikaji. Penghasilan buku panduan ini berpandukan pada dapatan yang diperoleh daripada objektif pertama dan kedua kajian ini.

Kepentingan Kajian

Terdapat tiga kepentingan utama yang penyelidik lakukan melalui kajian ini iaitu:

Kepentingan kepada Ilmu Linguistik

Kajian ini amat penting kepada perkembangan ilmu linguistik dan perkembangan kepustakaan ilmu bahasa Melayu, khususnya yang berkaitan dengan kesantunan berbahasa. Penambahan bahan rujukan dalam ilmu linguistik diharapkan menjadi wahana kepada para pengguna bahasa Melayu untuk mencapai tahap penggunaan bahasa Melayu tinggi untuk membentuk tamadun bangsa melalui bahasa Melayu.

Kepentingan kepada Hubungan Sosial Masyarakat

Kajian ini amat penting kepada pembentukan hubungan sosial masyarakat Malaysia yang amat mementingkan kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi. Melalui dapatan kajian dan saranan yang dikemukakan dalam penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi panduan untuk membentuk hubungan sosial yang harmoni dalam masyarakat di negara kita ini. Hubungan sosial yang positif dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya, diharapkan dapat menjadi tanda aras terhadap hubungan yang harmoni dengan penduduk berbilang kaum di Malaysia.

Kepentingan kepada Perkembangan Politik dalam Negara

Penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan kesedaran dan panduan kepada para penulis blog dan pengikut blog tersebut agar menggunakan bahasa yang santun walaupun pihak tersebut sedang berusaha untuk mengembangkan pengaruh politik kepada masyarakat serta mendapatkan dan mempertahankan kuasa politik mereka. Selain itu, dalam usaha mendapatkan kuasa kita seharusnya tidak mempertaruhkan kestabilan politik tanah air kerana keamanan dan hidup harmoni jauh lebih penting berbanding dengan pertarungan mendapat kuasa politik. Hal ini amat penting untuk memastikan bahawa kelangsungan tamadun sesuatu bangsa dalam negara ini dan jati diri rakyat Malaysia dapat dikekalkan khususnya untuk generasi akan datang.

Definisi Operasional

Bahasa Tidak Santun

Dalam kajian ini bahasa yang tidak santun merujuk kepada penggunaan bahasa berbentuk makian, hinaan, dan cacian yang digunakan oleh penulis dan pembaca dalam blog politik yang boleh menimbulkan ketegangan dan konflik dalam kalangan pelbagai pihak di dalam negara.

Blog Politik

Blog politik pula merujuk kepada blog yang menjadi wahana komunikasi melalui teknologi maklumat oleh masyarakat untuk mengemukakan pandangan peribadi, pendirian politik, pemikiran, pandangan sarwajagat dan persepsi dalam bidang politik. Penulisan entri dalam blog politik bertujuan untuk menyebarkan idea dan doktrin bagi mempengaruhi masyarakat supaya menyokong individu atau parti politik yang disokong oleh penulis blog tersebut.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka).(1990). *Tasawuf Modern*, Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Abdul Monir Yaacob, Suzalie Mohamad.(2002). *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Abdul Muati @ Zamri Ahmad.(2009). *Protokol dalam Urusan Rasmi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Embong.(2014). *Sastera, Politik dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Ibrahim.(2012). *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aizam Hussin.(2009). *Blog (Bawa Pemikiran Anda ke Tengah)*, Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.
- Al-Quran Tajwid dan Terjemahan (2012). Kajang: Humaira Bookstore Enterprise.
- Arina Johari dan Indirawati Zahid. (2015). *Analisis Kesopanan Rancangan Bual Bicara: Aplikasi Teori Kesopanan Brown dan Levinson (1987) dan Prinsip Kerjasama Grice (1975)*. SLiK 2015.
- Asmah Haji Omar. (1996). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan Santun Bahasa*, Tanjong Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar.(2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan.(2007). *Santun Berbahasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bukhari Al-Jauhari. (1992). *Taj Us-Salatin*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku Panduan Budi Bahasa Budaya Kita (2004). Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

- Che Norlia Mustafa. (2002). *Kebebasan Berpolitik di Bawah Peruntukan Undang-undang di Malaysia*, (hlm. 175-186, Bab 10) dlm. *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Conny Elisabeth dan Willem Saragih. (2014). *Politeness Principles In Barack Obama Interview*. *Linguistica, Journal of Linguistics* 2014.
- Franzischa, Laoura Winda. (2012). *Analisis Pelanggaran Prinsip Santun dalam Komik Crayon Shincan Volume 2 Karya Yoshito Usui*. *Japanology*, Vol 1, No 1, September 2012-Februari 2013: 55-65.
- Habibah Elias, Noran Fauziah Yaakub. (2006). *Psikologi Personaliti*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa, Normahdiah Sheik Ismail, Rozita Che Rodi, Siti Sarah Ab Karim. (2012). *Hati Budi Melayu : Kajian Keperibadian Sosial Melayu ke Arah Penjanaaan Melayu Gemilang*. GEMA 12 (1).
- Hasuria Che Omar. (2012). *Analisis Wacana Kritis dalam Program Televisyen Raja Lawak dan Implikasinya Terhadap Psikososial Audiens di Malaysia*. *Jurnal Bahasa* Jilid 12 BIL. 1 Jun 2012: 60-86.
- Leech, G. (1993). *Prinsip-prinsip Pragmatik*, Tej. M.D.D Oka, Jakarta : Penerbit Universitas Indonesia.
- Ibrahim Ahmad dan Eriawani Mastari (2011) . *Retorik Ucapan Hadi Awang: Satu Analisis Retorik Pemujukan (Teknik Pengukuhan)*. Kertas kerja tidak diterbitkan. Atas talian pusuq- ariez.blogspot.com.2001/04.
- Indrawati Zahid.(2009). *Dari Perspektif Prosodi dan Semantik kerana Mulut Badan Binasa*. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5 FBMK,UPM (hlm.176-181).
- Johari Haji Alias.(2003). *Mengawal Tutur Kata*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad.(Edisi Kulit Lembut) (2008). *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuang Ching Hei, Maya Khemlani David, dan Lau Su Kia.(2013). *Politeness of Front Counter Staff of Malaysian Private Hospitals*. GEMA 13(1), Februari 2013.
- Kurik Kundi Merah Saga, Kumpulan Pantun dan Lisan Melayu Edisi Kedua* (2009), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahmood Nazar Mohamed.(1992). *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marlyna Maros. (2012). *Lakuan Sindiran dalam Konteks Kesopanan*. (Hlm.190-219 Bab 10) dlm. Prinsip dan Aplikasi Kesopanan Berbahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marlyna Maros dan Mohd Baharim Mayidin. (2011). *Jenis dan Fungsi Sapaan serta Persepsi Kesopanan dalam Interaksi di Kaunter Pertanyaan*. *Jurnal Bahasa* Jilid 11 Bil. 2 Disember 2011: 219-234.
- Mohd. Foad Sakdan. (1999). *Pengetahuan Asas Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Luqman Mohd Shapie.(2014).*Penerapan Kesantunan dalam Komunikasi Melalui Filem*. Kumpulan Kertas Kerja: *Perkongsian Profesional bagi Guru-guru Permulaan* : 79-95.
- Mohd Suhaimy Abu Bakar dan Mohammed Farid Sulaiman. (2007). *Rahsia Blogger, Membongkar Rahsia Buat Duit dengan Blog*, Kuala Lumpur : True Wealth Sdn. Bhd.
- Muhammad Haji Salleh (Edisi Kulit Lembut) (2009). *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan.
- Muhammad Sayyid Tantawi. (2008). *Adab Dialog dalam Islam*, Terj. Mohd Nor Mamat Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2015). *Dimensi Bahasa dalam Agama*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- N.Machiavelli.(1990). *Penguasa, Surat Seorang Negarawan kepada Pemimpin Republik*, Pengantar Edisi Malaysia oleh Muhammad Abu Bakar, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, Abdul Hamid Mahmood (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi ke-4*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhana Bakhary.(2014). *Strategi Kesopanan Berbahasa Masyarakat Adat Papatih dalam Kata Perbilangan*. *Jurnal Bahasa*, Jilid 14 Bil.2 2014: 239-271.
- Norida Berhan dan Zulkifley Hamid (2012). *Retorik Gaya dalam Membentuk Karakter Bangsa*.*Jurnal Linguistik*, Jilid 15, Jun 2012: 1-16.

- Nor Shahila Mansor, Roslina Mamat, Rozita Che Omar, dan Akmar Hayati Ahmad Ghazali (2014). *Ketidaksopanan Bahasa Sebagai Strategi Pujukan dalam Iklan Berbahasa Sepanyol*. GEMA14(3), September 2014.
- Rabayah Tahir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015). *Penanda Santun dalam Perbualan Kanak-kanak Melayu*. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-19.
- Radiah Yusoff (2012). Prinsip dan Aplikasi Kesopanan Berbahasa *Pegi Mampos La Bodoh*. Satu Tinjauan terhadap Ungkapan Makian dan Ke(tidak)Sopanan dalam Interaksi Internet. dlm. *Prinsip dan Aplikasi Kesopanan Berbahasa* (220-249 Bab 11), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radiman Haji Junaidi dan Zaitul Azma Zaiton Hamzah (2013). *Wacana Kepimpinan dalam Ucapan Abdullah Ahmad Badawi*. *Jurnal Bahasa* Jilid 13 Bil. 1 Jun 2013: 128-150.
- Ramli Md. Salleh et.al.(1997). *Kamus Linguistik* , Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaidah Mashudi, Ahmad Mahmood Musanif, Adi Yasran Abdul Aziz, dan Hasnah Mohamad (2013). *Faktor Kesopanan dan Strategi Komunikasi dalam Genre Perbincangan di Televisyen*. GEMA 13(3), September 2013.
- Rohaidah Haron (2015). *Pembinaan Identiti dalam Wacana Politik: Tumpuan Terhadap Kata Ganti Nama Diri*. (SLiK 2015).
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM). www.prpm.dbp.gov.my
- Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015). *Analisis Kesopanan Bahasa dalam Novel Melunas Rindu : Aplikasi Maksim Leech dan Grice*. *Jurnal Bahasa* Jilid 15 Bil. 2015: 143-169.
- Shellabear (1956), *Kitab Kiliran Budi*, Singapura : Di-Malaya Publishing House Limited.
- Sohaimi Abdul Aziz (2015). *Konflik Patani dengan Pihak Berkuasa Thailand : Kajian Retorik dalam Laman Sesawang*. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 8 Bil. 2 2015 :257-287.
- Yohana Siregar dan Rahmah (2014). *Politeness Strategies Used By Toba Batak Sellers In Samosir*. *Linguistica, Journal of Linguistics* Vol 3, No 4 : 365-377.
- Zaidi Ismail (2008), *Pedoman Singkatan SMS*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Ahmad (2002), *Ilmu Mengarang Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan dan Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2011). *Kesopanan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah*. *Jurnal Bahasa*, Jilid 11 Bil. 2, Disember 2011:321-337.



SENARAI PENERBITAN

- Azizul Haji Ismail**, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2017). *Kesantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia*. Jurnal Mahawangsa, UPM.
- Azizul Haji Ismail**, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2017). *Kesantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia*. Jurnal Bahasa, DBP Brunei.
- Azizul Haji Ismail** (2006). *Amanat Negarawan dalam Pembinaan Tamadun Bangsa*. Pelita Bahasa.
- Azizul Haji Ismail** (2006). *Pedoman Terkini Bahasa Melayu Baku* (Ulasan buku 'Petunjuk Bahasa'). Pelita Bahasa.
- Azizul Haji Ismail** (2007). *Baik dan Buruk Pelancongan Malaysia* (ulasan buku 'Perancangan Pelancongan' oleh Badarrudin Mohamed dan Nikmatul Adha Nordin). Dewan Masyarakat.
- Azizul Haji Ismail** (2007). *Keyakinan Terhadap Bahasa Melayu* (Ulasan buku 'Memartabatkan Persuratan Melayu' oleh Baha Zain. Dewan Masyarakat.
- Azizul Haji Ismail** (2007). *Pemikiran Melayu dan Pembangunan Bangsa* (Ulasan buku 'Bahasa dan Pemikiran Melayu/ Indonesia Menyongsong 2025'). Dewan Masyarakat.
- Azizul Haji Ismail** (2007). *Perubatan Tradisional sebagai Alternatif*. Pelita Bahasa.
- Azizul Haji Ismail** (2007). *Selayang Pandang Bulan Bahasa dan Sastera Negara*. Dewan Bahasa.
- Azizul Haji Ismail** (2008). *Bahasa Badan Seni Berbahasa*. Dewan Bahasa.
- Azizul Haji Ismail** (2008). *Kehebatan Bidang Pemasaran* (Ulasan buku 'Pemasaran Satu Huraian Mudah' oleh Mohd. Said Othman). Dewan masyarakat.
- Azizul Haji Ismail** (2008). *Latah di Sebalik Semantik dan Psikologi*. Dewan Bahasa.
- Azizul Haji Ismail** (2009). *Kanak-kanak dan Pemerolehan Bahahasa*. Dewan Bahasa.
- Azizul Haji Ismail** (2009). *Memanifestasikan Penghayatan Bahasa Jiwa Bangsa*. Dewan Masyarakat.

Azizul Haji Ismail, Mohd Nadzri Kassim & Suhaime Sayani (2010). *Bahasa Kebangsaan dan Perpaduan Bangsa.* Seminar Antarabangsa Psikolinguistik II, 8-9 Jun 2010, Kota Kinabalu, Sabah. **Pembentang**, ISBN 978-983-41184-8-8 (ms 163-171).

Azizul Haji Ismail (2014). *Dunia Diancam Imperialisme Bahasa.* Dewan Bahasa.

Azizul Haji Ismail (2015). *Elemen Sikap Pelajar Cina dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua.* Seminar Internasional "Tantangan Bahasa dan Sastra Indonesia/Melayu pada Era Masyarakat Ekonomi ASEAN (MEA)" pada 18-19 Ogos 2015, Yogyakarta, Indonesia. **Pembentang.**

Azizul Haji Ismail (2015). *Kesopanan Berbahasa dalam Blog Politik di Malaysia.* Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-9 pada 3-4 November 2015, UPM, Selangor. **Pembentang.**

Azizul Haji Ismail, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2015). *Kesopanan Berbahasa Tonggak Pembinaan Bangsa Bermaruah.* Dewan Bahasa.

Azizul Haji Ismail, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2015). *Memperkasakan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan.* Dewan Bahasa.

Azizul Haji Ismail (2015). *Mencari Kehebatan Pemimpin Melayu.* Dewan Masyarakat.

Azizul Haji Ismail, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2015). *Penjawat Awam "Tiang Seri" Pemartabatan Bahasa Melayu.* Dewan Bahasa.

Azizul Haji Ismail, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2015). *Sinergi Tonggak Pemartabatan Bahasa Melayu.* Dewan Bahasa.

Azizul Haji Ismail, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2016). *Bahasa Melayu Tonggak Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.* Dewan Bahasa.

Azizul Haji Ismail, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2016). *60 Tahun DBP Meredah Samudera Pemartabatan Bahasa dan Persuratan Melayu di Malaysia.* Dewan Bahasa.

Azizul Haji Ismail, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2016). *Bahasa Melayu Wahana Keintelektualan Bangsa.* Dewan Bahasa.

Azizul Haji Ismail, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2017). *Kesantunan Bahasa dalam Blog Politik di Malaysia.* Dewan Bahasa.

Azizul Haji Ismail, Vijayaletchumy A/P Subramaniam (2017). *Pengajian Bahasa Melayu di Luar Negara*. Dewan Bahasa.



© COPYRIGHT UPM



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

BAHASA TIDAK SANTUN DALAM PENULISAN BLOG POLITIK DI MALAYSIA

NAMA PELAJAR : AZIZUL BIN HAJI ISMAIL

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]